

<b>TARIKH</b>	SELASA, 4 JANUARI 2022
<b>AKHBAR</b>	KOSMO
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	BIMB, UTM SEDIA TENAGA SOLAR BUAT KOMUNITI
<b>M/S</b>	38
<b>BIDANG</b>	ENERGY
<b>KATA KUNCI</b>	SOLAR ENERGY



**KETUA** Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd. Muazzam Mohamed (tengah) menunjukkan panel solar yang dipasang di Tanjung Surat.

## BIMB, UTM sedia tenaga solar buat komuniti

**HIJAU.** Komited untuk merancakkan impak kewangan sosial Islam kepada masyarakat dan alam sekitar, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) baru-baru ini menyempurnakan Projek Sistem Tenaga Fotovoltan di Perkampungan Rumah Rakit Tanjung Surat, Johor.

Projek bernilai RM87,800 yang dibiayai oleh pendanaan awam, Sadaqa House itu akan memudahkan komuniti di kawasan terbabit mendapat bekalan elektrik yang dijana cahaya matahari sepenuhnya.

Kaedah mesra alam ini turut memberi penjimatan kos dan akses kepada sumber tenaga elektrik yang lebih sela-

mat kepada kediaman terlibat berbanding penggunaan set generator berkuasa diesel sebelum ini.

Panel-panel solar tersebut mampu menjana tenaga elektrik untuk bekalan selama 48 jam tanpa cahaya matahari, membuatnya sesuai digunakan di kawasan pedalaman atau terpencil.

**DISEDIAKAN OLEH**

**1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM**  
**2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM**  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM